

SULIT


Tiap-tiap soalan diikuti empat pilihan jawapan A,B,C dan D.Antaranya,ada satu jawapan sahaja yang betul. Pilih jawapan itu.Kemudian, tandakan jawapan kamu dengan menghitamkan ruangan pada kertas jawapan.

Soalan 1 – 20

Isi tempat kosong dalam ayat-ayat di bawah dengan jawapan yang paling sesuai.

1. Lembu-lembu itu sedang _____ rumput di padang.
A. makan B meragut C memagut D meranggut
2. Masyarakat Asia telah lama menggunakan _____ dalam masakan mereka.
A sayur-mayur B ulam-ulaman C rempah-ratus D pantang-larang

Soalan 3 berdasarkan gambar di bawah.



3. Abang telah _____ sebiji pinggan kearah kucing yang telah mencuri ikan di atas meja itu.
A merejamkan B melontarkan C melemparkan D membalingkan
4. Badrul memanjat pokok manggis itu sehingga ke puncaknya dan berasa _____ apabila terpandang ke bawah.
A gerun B gagah C gusar D gayat

SULIT

Soalan 5 berdasarkan gambar di bawah



5. Emak _____ santan kelapa dahulu sebelum dimasukkan ke dalam periuk.
A menuras B menapis C mengayak D menuras
6. Pihak polis berasa _____ akan keterangan yang diberikan oleh pemuda itu.
A sangsi B khawatir C gelisah D gementar
7. Makanan segera yang diimport kurang berkhasiat, _____ makanan segera keluaran tempatan lebih berkhasiat dan bermutu tinggi.
A namun B sebaliknya C kerana D biarpun
- 8 Kerja sekolah yang disuruh oleh Cikgu Syahrin _____ kami siapkan dalam tempoh yang ditetapkan.
A lulus B lepas C gagal D buka
- 9 Pihak polis telah menjumpai se _____ pistol dan beberapa _____ peluru di tempat kejadian.
A laras buah B pucukbutir
C pucuk bentuk D buah butir
10. Mulut budak lelaki itu _____ apabila ditanyakan soalan yang dia tahu jawapannya.
A tersipu-sipu B tertanya-tanya C terkumat-kamit D termangu-mangu

SULIT

11. Perasaan baginda sultan _____ kerana permaisuri baginda dalam keadaan gering.
A haru biru B pucat lesi C muram durja D gundah gulana
12. Kakak menyalakan _____ ubat nyamuk di dalam biliknya.
A selingkar B segulung C sekeping D segelung
13. Kampung itu membangun dengan pesat kerana _____ oleh seorang Ketua Kampung yang berwawasan.
A ditakdir B ditakbir C ditadbir D ditaksir
14. Encik Nizam melarang Iqbal dan rakan-rakannya mandi di sungai itu kerana _____ airnya amat berbahaya.
A pusaran B pulasan C putaran D pusingan
15. Syamila menarik diri daripada menyertai perkhemahan Tunas Kadet Remaja Sekolah Ulu Langat, _____ dialah yang merancang sejak awal-awal lagi.
A namun begitu B kendatipun C walhal D justeru
16. Hulubalang itu _____ dada serta mencabar orang yang berada diperkarangan istana supaya menentangnya.
A mendabik B membidik C menampar D menghentam
17. Wanita itu mengalungkan _____ bunga kepada wakil rakyat yang akan merasmikan balai raya yang baharu itu.
A seuntai B sekuntum C sejambak D sekarangan
18. Puan. Syuhada merebus ubi kayu sehingga empuk sebelum dilenyek untuk dibuat pengat sebagai juadah berbuka puasa.
Perkataan berlawanan bagi empuk ialah
A garing B kering C keras D hancur


SULIT

19 Pertelingkahan yang berlaku antara Raja Abdullah dengan Raja Ismail adalah untuk merebut kawasan perlombongan bijih timah.

Perkataan seerti bagi pertelingkahan ialah

- A persaingan B perkelahian C perbahasan D perhubungan

Soalan 20 berdasarkan gambar di bawah.



20. Pak Mael ternampak seekor harimau cuba untuk _____ seekor kijang sewaktu berburu di dalam hutan itu.

- A membaham B menerkam C menggigit D mencengkam

21. Muhd. Azzam menjadi _____ apabila ditawarkan habuan ribuan ringgit oleh kontraktor yang hendak merasuhnya itu.

- A sakit mata B silap mata C mata duitan D gelap mata

22. Pilih jawapan yang sesuai bagi ayat Tanya di bawah.

Berapakah jumlah jalur merah dan jalur putih yang terdapat pada bendera Malaysia?

- A Jalur merah dan jalur putih melambangkan 14 buah negeri di Malaysia.
B Tujuh jalur merah dan tujuh jalur putih terdapat pada bendera Malaysia.
C Tujuh jalur merah dan tujuh jalur putih disusun secara berselang-seli.
D Jalur merah dan putih terdapat dalam pada bendera Malaysia.

SULIT

23. Pilih ayat Tanya yang sesuai bagi ayat di bawah.

Pengusaha restoran itu sentiasa memberikan layanan mesra kepada pelanggannya.

- A Bilakah pengusaha restoran itu membuat pelanggannya puas hati?
- B Bagaimanakah pengusaha restoran itu menjaga hati pelanggannya?
- C Mengapakah pengusaha restoran itu mengutamakan pelanggannya?
- D Siapakah yang dilayan oleh pengusaha restoran itu?

Soalan 24 – 25

24 Pilih ayat yang sama maksud dengan ayat yang diberikan.

Ibu bapa mempunyai tanggungjawab yang berat dalam mendidik anak-anak mereka.

- A Tanggungjawab mendidik merupakan tugas mereka.
- B Ibu bapalah yang sepatutnya mendidik anak-anak mereka.
- C Ibu bapa bertanggungjawab sepenuhnya untuk mendidik anak-anak.
- D Semua ibu bapa ada tanggungjawab masing-masing dalam pendidikan.

25 Bapa melarang Ricky bermain di tepi sungai.

- A “Ricky, larang anak itu bermain di tepi sungai,” kata bapanya.
- B “Jangan bermain di tepi sungai,” jerit Ricky kepada bapanya.
- C “Usah bermain di tepi sungai,” kata bapa Ricky.
- D “Ricky bahaya bermain di tepi sungai,” jerit bapanya.

Soalan 26 – 27

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan bergaris dengan betul.

26 I Persalinan berbenang emas itu adalah untuk Puteri Malikha Najwa.

II Maklumat yang dinyatakan lelaki itu adalah tidak benar.

III Gua yang dilawati oleh murid-murid itu adalah Gua Niah.

IV Nur Najihah adalah anak bongsu Encik Julaihi yang manja.

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

SULIT

- 27 I Hasil Ukiran pengukir itu sangat halus.
II Rempah –ratus itu ditumbuk sehingga halus.
III Kewujudan makhluk halus itu menakutkan penduduk.
IV Gadis itu sangat bersopan-santun dan halus budi pekertinya.
A I dan II B III dan IV C II,I II dan IV D I, II, III dan IV

Soalan 28 – 30

Pilih ayat-ayat yang betul

- 28 A Azila Pasar Mini ada menjual sayur-sayuran segar.
B Pendingin hawa itu tidak berfungsi kerana telah rosak.
C Tanda tangan diperlukan sebagai bukti dokumen itu adalah sah.
D Keretapi itu bertolak dari stesen Kuala Lumpur pada jam 7.00 malam.
- 29 I Encik Yusri menemui seutas jam tangan di dalam lacinya sebentar tadi.
II Mesin kira digunakan untuk mempermudah proses kira-mengira.
III Stephen menerima arahan dari Unit Disiplin sekolahnya pagi tadi.
IV Kerana hujan lebat,perlawanan akhir bola sepak itu ditangguhkan.
A I dan II B I dan III C II dan IV D III dan IV
- 30 I Pemandangan di tepi Pantai Siar sungguh indah sekali.
II Kami sedih amat bila mendengar berita bencana yang menimpa keluarga Addy.
III Goreng ubi itu enak dimakan bersama-sama kopi panas.
IV Encik Amir ialah guru Bahasa Melayu yang baru berpindah ke sekolah itu.
A I dan II B I dan IV C II dan III D III dan IV

Soalan 31 – 35

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Selamat pagi kepada semua guru dan murid-murid yang saya kasihi. Pada perhimpunan kali ini cikgu ingin menasihati murid sekalian supaya membuat perancangan yang teliti bagi memenuhi cuti penggal pada minggu hadapan.

Murid-murid mestilah mengatur rancangan yang membawa faedah dan bukannya untuk hiburan sahaja, terutama rancangan lawatan ke Kuala Lumpur yang akan diadakan oleh Persatuan Sains sekolah ini. Sebelum lawatan, pihak persatuan telah menetapkan tempat yang akan dilawati seperti Pusat Sains Negara dan sebagainya.

Semasa lawatan nanti, murid-murid boleh mengambil gambar yang sesuai seperti gambar yang dapat member manfaat dan maklumat tentang tempat yang dilawati. Murid-murid juga mestilah mencatat maklumat tempat-tempat yang dilawati.

Bagi murid yang tidak ke mana-mana atau balik kampung, mereka juga boleh mencari maklumat dan gambar tentang aktiviti-aktiviti yang dijalankan dikampung. Secara tidak langsung murid-murid telah melalui satu proses pembelajaran.

Selain itu, keselamatan dan kesihatan diri hendaklah dijaga. Usahlah bermain di tempat-tempat yang berbahaya kerana *malang tidak berbau*.

Sekian terima kasih.

31 Pada pendapat anda, bilakah ucapan ini di sampaikan?

- A Semasa perhimpunan sekolah
- B Semasa perhimpunan harian
- C Semasa majlis Persatuan Sains
- D Semasa sekolah bercuti

32 Siapakah yang menyampaikan ucapan ini?

- A Guru Penasihat Persatuan Sains.
- B Yang Di Pertua Persatuan Ibu Bapa dan Guru.
- C Guru Besar Sekolah Kebangsaan Mawar
- D Wakil murid yang akan ke Kuala Lumpur.

SULIT

- 33 Apakah tujuan ucapan ini disampaikan?
- A Untuk mengatur rancangan lawatan ke Kuala Lumpur.
 - B Untuk menasihati murid merancang masa cuti dengan berfaedah.
 - C Untuk mempelawa murid menyertai lawatan ke Kuala Lumpur.
 - D untuk memastikan murid bersedia menghadapi musim percutian.
- 34 Pilih pernyataan yang **benar** tentang lawatan ke Kuala Lumpur.
- A Aktiviti yang berfaedah semasa perjalanan.
 - B Mengadakan aktiviti harian.
 - C Kebaikan melawat Pusat Sains Negara.
 - D Mengambil gambar dan mencatat tentang lawatan.
- 35 Apakah maksud rangkai kata *malang tidak berbau* dalam petikan?
- A Berubahnya suasana.
 - B Kecelakaan yang menimpa.
 - C Keadaan yang menyeronokkan.
 - D Aktiviti yang tidak berfaedah.

SULIT

Soalan 36 – 40

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Persatuan Ibu Bapa dan Guru,
Sekolah Kebangsaan Seri Utama,
68100 Batu Caves,
Selangor.

Pengurus,
Syarikat Percetakan Seribu Ilmu,
Kawasan Perusahaan Taman Jana Mulia,
68100 Batu Caves,
SELANGOR.

28 Ogos 2011

Tuan,

MEMOHON SUMBANGAN BAGI MENJAYAKAN PROGRAM MOTIVASI KEIBUBAAPAN

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa jawatankuasa Persatuan Ibu Bapa dan Guru sekolah ini telah bermesyuarat pada 15 Ogos 2011 yang lalu dan telah mengambil keputusan untuk mengadakan program tersebut.

3. Berikut ialah butiran tentang program tersebut.

Tarikh : 16 September 2011
Masa : 0830 pagi hingga 1640 petang
Tempat : Dewan Sri Gemilang SK Seri Utama
Sasaran : 400 orang

4. Bersempena dengan program tersebut, tiga orang pakar motivasi akan diundang untuk memberikan ceramah tentang kepentingan pendidikan kepada ibu bapa dan murid-murid di sekolah ini.

SULIT

Beberapa program sampingan juga turut diadakan seperti pameran aktiviti sepanjang tahun yang telah dilaksanakan oleh murid-murid sekolah ini.

5. Sehubungan itu, kami memohon jasa baik pihak tuan untuk menghulurkan sumbangan ikhlas agar program tersebut dapat berlangsung dengan lancar. Sumbangan tuan bolehlah disalurkan melalui Bendahari Persatuan Ibu Bapa dan Guru menggunakan cek atau secara tunai.

6. Sehala kerjasama dan sokongan daripada pihak tuan untuk menjayakan program tersebut kami dahulukan dengan ucapan terima kasih.

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”

Saya yang menurut perintah,

MOHD.NAZRI BIN KAMAL

Setiausaha.

Persatuan Ibu Bapa dan Guru,

SK. Seri Utama.

36 Tujuan surat tersebut ditulis untuk

- A memohon sumbangan bagi membiayai bayaran penceramah.
- B memaklumkan tentang tarikh dan masa pelaksanaan program.
- C mengundang pengurus syarikat menyertai program tersebut.
- D mengundang penceramah menyertai program tersebut.

37 Bilakah keputusan untuk mengadakan Program Keibubapaan itu dibuat?

- A Seminggu sebelum mesyuarat diadakan.
- B Dua minggu selepas mesyuarat diadakan.
- C Dua minggu sebelum surat permohonan dikeluarkan.
- D Dua minggu sebelum tarikh Program Keibuabapaan akan diadakan.

SULIT

- 38 Sumbangan tersebut amat diperlukan oleh pihak penganjur untuk ...
- A membeli cenderamata kepada para penceramah.
 - B membiayai perbelanjaan aktiviti-aktiviti murid sekolah itu.
 - C menampung perbelanjaan aktiviti-aktiviti program tersebut.
 - D menambahkan sumber kewangan Persatuan Ibu Bapa dan Guru.
- 39 Pada pendapat kamu, apakah intipati ceramah yang akan disampaikan oleh pakar-pakar motivasi itu?
- A Peranan ibu bapa dalam mendidik anak-anak.
 - B Masa hadapan sistem pendidikan murid-murid sekolah.
 - C Cara-cara ibu bapa memperoleh pendidikan yang sempurna.
 - D Peranan dan keperluan pendidikan masa kini untuk menjamin kehidupan anak-anak.
- 40 Yang manakah antara berikut merupakan aktiviti yang boleh dijalankan semasa program tersebut.
- A Merarau
 - B Kudapan
 - C Permainan
 - D Perbengkelan

KERTAS SOALAN TAMAT